

# ***Pelabuhan sepi***

Karya

**Hidayah Amin**

[ Nor Hidayah Binte Mohd. Amin ]

\* Berdasarkan kisah benar

Kakiku kaku. Dadaku terasa seperti dibakar. Mulutku terkunci. Aku haus. Sangat haus. Air.... Aku mahu minum.....

*“Bottoms up!! Air ni boleh buat kau hangat. Aku guarantee.... Cubalah.....”*

*“Darus, aku.... eh.... tak biasa lah .... ”*

*“Ooi Man, kau bukan lagi kat Kampung Lorong Marican..... kita offshore. Enjoylah! Gaji kita pun besar, dapat tengok dunia pulak tu!! Ada perempuan di setiap pelabuhan!! hahaha ..... biasa-biasakanlah.....”*

Air yang mulanya terasa pahit amat sedap di minum; menghangatkan badanku terutama sekali pada musim sejuk. Pelbagai minuman keras telah aku rasai; Baron’s Beer, Carlsberg, Johnnie Walker, Tiger’s Beer, San Miguel.... Aku mahu minum..... Khalid, beri Daddy air di dalam tin yang kamu pegang tu.... Daddy amat dahaga ini.... Khalid!!

Aku memandang Khalid yang tidak mengendahkan kata-kataku. Dia sibuk berbual dengan ibunya, Emma Paterson. Ah... Emma. Badanmu bertambah gempal bersama musim yang berlalu. Aku teringat pertama kali aku berjumpa dengannya tiga puluh lima tahun dahulu. Masa itu, kapalku singgah sebentar di Broome, Australia. Aku terpandang Emma yang bekerja sebagai kerani di pelabuhan. Wajahnya ayu, badannya langsing, rambutnya perang seperti benang kuning. Senyumannya menggoda. Aku telah jatuh cinta! Kerana mahu terus berdamping dengan Emma, aku putuskan untuk tinggal di Broome. Aku sudah puas melihat dunia. Lagipun, gaji bekerja di logi minyak lebih lumayan dari menjadi kelasi kapal.

Walaupun ibu Khalid Mat Salleh, kulit Khalid dan anak-anakku yang lain sawo matang mengikut kulitku. Tapi sayangnya, seorang pun tidak boleh berbahasa Melayu. Telah aku suruh mereka belajar bahasa Melayu dengan

adikku Zainah yang tinggal di Beach Road, tapi malangnya waktu yang singkat semasa bercuti di Singapura dahulu tidak mendatangkan kesan apa-apa pun. Tapi Khalid dan Mustafa sempat aku sunatkan di Singapura ... ..

*“Abang Osman..... saya tanya ni, abang jangan marah..... anak-anak abang tu belajar agama ke tidak?”*

*“Alah Zainah, kat sana susah nak cari masjid.....”*

*“Kan Abang boleh ajar mereka. Tentu Abang masih ingat bagaimana arwah ayah ajar kita mengaji, sembahyang..... abang ajarlah anak-anak Abang. Anak-anak amanah Tuhan kepada kita, bang.”*

*“Aku taulah.”*

*“Saya cuma nasihatkan abang. Abang tu degil. Dulu, gaduh sikit dengan ayah aje, terus lari ikut kapal. Tak balik-balik. Bila balik, bawa bini Mat Salleh dan 4 orang anak-anak kecil. Abang tu, entah nikah ke tak.....”*

*“Alah..... si Emma tu kan Katholik. Kata orang, aku boleh kahwin dengan orang ahli kitab macam dia. At least, aku tak macam si Darus. Kahwin dengan perempuan Thai yang masih beragama Buddha!!”*

*“Abang!!”*

Mataku basah bila terkenang adikku Zainah. Dia selalu menasihati. Tapi aku tidak mengendulkannya. Zainah, maafkan abang! Abang malu dengan kau. Abang telah banyak membuat dosa. Abang telah menyakiti hati ayah, ibu dan keluarga kita. Zainah, di mana kau berada sekarang?

*“Rashida Binte Osman.... Aliya Binte Osman..... Khalid Bin Osman..... Mustafa Bin Osman..... alangkah cantik nama anak-anak Abang! Yang Cerdik,*

*yang Tinggi, yang Kekal, yang Terpilih. Tapi mereka tahu tak makna di sebalik nama-nama mereka? Mereka tahu tak tentang Islam? Atau mereka lebih tahu tentang Jesus dan Mary dan Holy Ghost yang selalu diceritakan oleh Father Louis di gereja isteri Abang?”*

*“Kau diam Zainah!!”*

*“Man, kenapa kau worry apa si Zainah dan keluarga kau kata. It’s your life. Orang memang iri hati Man. Tengoklah rumah kau kat Broome. Besar! Perabot rumah mahal-mahal belaka. Lampu pula satu-satunya jenis kristal. Semuanya hasil kerja keras kau. Enjoylah Man!!”*

Darus, ini semua salah kau juga. Kau yang beriya-iyanya mengajak aku ‘ikut kapal’. Nak tengok dunia konon. Kau kata anak lelaki mesti berani. Sekarang apa yang sudah terjadi? Aku menyesal. Anak-anakku bukan orang Islam. Mereka termasuk ke dalam kategori orang Melayu Kristian yang peratusannya semakin meningkat. Siapakah yang harus disalahkan? Aku! Aku! Aku!

*“Manusia mana yang tidak lepas dari melakukan dosa. Tak apalah Mas. Mas masih ada waktu lagi. Mas masih boleh bertaubat. Insya Allah, saya akan pimpin Mas ke jalan Allah. Mas, saya ihklas.”*

Kamariah. Wanita Jawa yang aku jumpa sewaktu berkunjung ke Surabaya. Aku berjumpanya di luar gedung membeli-belah semasa aku bercuti seorang diri di Indonesia. Dia sedang duduk menjual jamu dan herba tradisional Jawa. Umurnya 23 tahun. Raut wajahnya merupakan raut wajah orang Jawa. Sungguhpun tidak secantik Emma, aku tertarik dengan matanya yang besar dan bersinar-sinar. Kata orang, *“eyes are windows to a person’s soul”*. Mata Kamariah memberiku gambaran akan keikhlasan hatinya. Yang melindungi Kamariah dari panas terik matahari ialah hijab putihnya yang lusuh.

Pertemuan kami yang singkat membawaku ke jinjang pelamin. Sungguhpun aku berusia 60 tahun ketika itu, aku masih dahagakan cinta wanita. Aku inginkan kedamaian. Aku inginkan keredaan Tuhan. Setelah sekian lama berkahwin dengan Emma, aku disedarkan dari mimpiku. Astarfirghullah..... aku berdosa. Aku telah melanggar hukum Tuhan. Perkahwinan civilku dengan Emma haram. Anak-anakku adalah anak-anak haram. Tidak! Aku mesti bertaubat! Aku mesti menebus dosa-dosaku selama ini!

*“Belum terlambat lagi, Mas. Kamariah janji akan jaga Mas. Sama-sama kita bina hidup baru. Kita sama-sama beribadat Mas.....”*

Aku bahagia. Kamariah banyak memimpinku dalam segi agama. Aku mula sembahyang. Bacaanku merangkak-rangkak tapi aku cekalkan hati. Alhamdulillah aku telah diberi peluang untuk bertaubat. Ya, aku mahu bertaubat. Tapi dugaan yang aku terima juga banyak. Jiran-jiranku di kawasan mewah Kebun Baru di Jakarta sering bercakap mengenai kami berdua. Mungkin mereka hairan melihat orang tua ini yang telah bernikah dengan wanita yang boleh dipanggil anak! Tapi aku tidak memperdulikan kata-kata mereka. Aku bahagia. Mungkin mereka iri hati kerana aku mampu membeli rumah banglo yang paling mahal di kawasan itu. Tidak mengapalah. Yang penting ialah aku mahu terus beribadat dan melayani anak lelakiku, Zairi yang baru berusia 3 tahun. Akhirnya aku mendapat seorang anak yang akan aku didik secara Islam!

*“How can that damned woman refuse to let him see his own son!! She took all of Osman’s money and then abandoned him. She even had the cheek to send him back to us!! What sort of woman is that?”*

Suara Emma kedengaran bercakap dengan Rashida, anak perempuanku yang duduk di hujung katil. Rashida menyuruh ibunya supaya merendahkan suaranya sedikit. Mungkin dia tidak mahu aku mendengar leteran ibunya itu.

Aku dapat merasakan airmataku berlinang lagi. Ku harapkan pagar, pagar makan padi. Rupa-rupanya hujan hingga ke petang. Memang ramai orang yang bersandiwara di dunia ini. Aku ditipu. Kamariah ialah syaitan yang bertopengkan manusia. Dia menggunakan agama untuk meraih simpati. Setelah puas mengikis segala hartaku, dia membuat hubungan dengan lelaki lain dan melarikan anakku ke Surabaya. Aku tidak berdaya untuk menghalangnya. Aku telah diserang angin ahmar dan badanku lumpuh hampir tiga suku badanku. Aku terlantar di hospital selama 2 bulan. Kali terakhir aku melihat Kamariah ialah bila dia datang untuk “menghalauku” ke Broome. Sudah hilang hijabnya, mukanya bersolek, pakaiannya tidak tertutup dan santun seperti dahulu. Dia memakai baju yang mengghairahkan setiap lelaki yang melihatnya. Aku menjerit. Tapi tiada suara yang keluar. Kau kejam Kamariah! Kejam!

Aku terpandang Emma dan anak-anakku. Hatiku pilu. Setelah aku menceraikan Emma dan “membuang” anak-anakku yang Katholik itu, mereka dengan ikhlas menerimaku semula ke dalam rumah mereka. Keluargaku menjaga aku yang kini hidup segan, mati tak mahu.

Ya Allah! Mengapakah nasibku jadi begini? Aku telah bertaubat tetapi malangnya tetap diduga. Niat suciku telah digunakan oleh orang yang mengambil kesempatan. Aku tidak berdaya lagi. Adakah semua yang terjadi balasan dosa-dosaku yang lalu? Ya Allah, ampunilah aku.....

Tekakku terasa amat dahaga. Badanku semakin sejuk. Khalid, Rashida..... tolong Daddy..... Daddy tak boleh bernafas..... Aduh, sakitnyaaa..... Siapa tu yang berdiri di pintu? .....ah..... mataku kabur..... Ya Allah, adakah ini pelabuhanku yang terakhir?

[ 1205 patah perkataan ]